



21 Oktober 2024

SIARAN MEDIA
Untuk Hebahan Segera



BEST-IR MALAYSIA ANJUR KARNIVAL BEST, KUMPUL DANA BANTU ANAK YATIM DAN KANAK-KANAK KURANG BERKEMAMPUAN

SERDANG, 20 Okt – Prihatin terhadap masa depan anak yatim dan kanak-kanak kurang berkemampuan di seluruh dunia, Benua Equestrian Stable (BEST) dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) menganjurkan Karnival BEST - Pertunjukan Berkuda dan Memanah Tradisional pada hari ini, bertempat di Benua Equestrian Stable, UPM.

Karnival tersebut bertujuan untuk mengumpul dana bagi tabung *Charity Week* IR Malaysia melalui penjualan tiket pertunjukan berkuda dan memanah berkuda di samping memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai aktiviti sukan sunnah sedari awal usia kanak-kanak.

Ketua Projek Karnival Best merangkap Pegawai Kanan Bahagian Penjanaan Dana IR Malaysia, Mohd Hafiz Ab Majid berkata, anggaran pengunjung yang hadir kira-kira 500 orang.

“Setiap tahun, kumpulan sukarelawan Islamic Relief dari pelbagai negara akan menjalankan program *Charity Week* bagi mengumpul dana untuk disalurkan kepada projek-projek kemanusiaan Islamic Relief yang memberi fokus kepada bantuan anak yatim dan kanak-kanak kurang berkemampuan di seluruh dunia.

“Tahun ini, sebanyak 21 kumpulan sukarelawan telah mendaftar di bawah program *Charity Week* IR Malaysia.

“Pelbagai inisiatif dan aktiviti telah dirangka oleh kumpulan-kumpulan sukarelawan *Charity Week* ini bagi menjayakan program tersebut. Jadi, salah satu aktiviti yang dilakukan pada tahun ini ialah Karnival BEST,” katanya.

Antara aktiviti menarik yang ditawarkan kepada pengunjung Karnival BEST ialah pertunjukan berkuda, memanah berkuda, pertunjukan seni memanah tradisional *Hungary*, pertunjukan *tent pegging*, *hippoteraphy*, *archery fun shoot*, *joy ride*, *horse feeding*, *booth* jualan makanan dan minuman, pameran, taklimat, dan pelbagai lagi.



Kebanyakan peserta booth jualan pada karnival itu terdiri daripada usahawan-usahawan projek *Growth Entrepreneurship Assistance Programme* (GRAP) di bawah bimbingan IR Malaysia.

Turut hadir dalam karnival tersebut ialah Pengurus Lembaga Pemegang Amanah IR Malaysia, Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman, wakil Pusat Pertanian Putra UPM, Mohd Tarmizi Ishak, Ketua Pegawai Operasi Benua Equestrian Stable, Tuan Hj Zakaria bin Hj Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IR Malaysia, Siti Fadilah Mohd Hood, serta Pengurus Kanan Bahagian Penjanaan Dana IR Malaysia, Sharmiza Husin.

Dato' Sri Syed Saleh turut menyampaikan ucapan pembukaan program sekaligus merasmikan *Charity Week* Malaysia yang dijadualkan berlangsung bermula 21 hingga 27 Oktober dengan tema 'Keadilan Sosial'.

Rata-rata pengunjung berpuas hati dan teruja dengan pertunjukan berkuda, memanah, memanah berkuda dan *tent pegging* yang dipersembahkan oleh RT Equestrian Sdn. Bhd., Academy Awesome Archery dan 3Brothers Archery.

"Program ini sangat bagus sebagai pendedahan kepada anak-anak. Bukan budak-budak saja yang teruja, tetapi orang dewasa pun teruja juga sebab boleh tengok secara dekat dan pegang kuda," kongsi Azalia yang hadir dari Manjalara, Kepong.

Program turut disertai oleh 40 orang pelajar dari Sekolah Rendah Islam Integrasi Az-Zahra dan diserikan dengan kehadiran Ikon Kemanusiaan IR Malaysia, Chef Imelda dan Kumpulan Saujana.

Orang ramai yang ingin menyumbang ke tabung *Charity Week* IR Malaysia boleh berbuat demikian melalui laman web IR Malaysia; www.islamic-relief.org.my atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

Charity Week

Pasukan Charity Week IR Malaysia tahun ini menyasarkan kutipan dana sebanyak RM100,000 untuk kanak-kanak kurang berkemampuan dan anak yatim di seluruh dunia termasuk Malaysia dan negara-negara lain seperti Kenya, Rwanda, Afrika Selatan, Sri Lanka, Turkiye, Bangladesh, Albania, Jordan, Iraq, Filipina, Somaliland, Pakistan, Sudan, dan UK.

- TAMAT -



Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.
Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my*